

22 DEC 2001

Malaysia-Kagum (Bergambar)

RAKYAT DAN MEDIA ASING KAGUMI RUMAH TERBUKA MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 22 Dis (Bernama) -- Rakyat asing dan juga pengamal media dari negara-negara jiran kagum dengan suasana ceria dan kemeriahan rakyat berbilang kaum di negara ini berkongsi kegembiraan menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang mereka saksikan pada Rumah Terbuka Malaysia 2001 di sini hari ini.

Mereka berpendapat sambutan itu unik kerana ia dihadiri oleh ribuan pengunjung berbilang kaum dan agama yang mereka saksikan bergaul dan bertegur sapa dalam keadaan yang mesra.

Pelancong dari Batam, Indonesia, Agoes Saribo berkata beliau kagum dan tumpang berasa gembira di atas keamanan hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

"Perayaan sebegini boleh berlangsung hanya dalam keadaan aman dan perpaduan kaum walaupun berbeza agama dan bangsa," katanya kepada BERNAMA pada sambutan Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidil Fitri yang berlangsung di Dataran Bandaraya di sini.

Beliau berkata sambutan yang dianggarkan dihadiri 100,000 pengunjung itu juga mampu dianjurkan oleh Malaysia kerana kemakmuran ekonominya dan sokongan hotel-hotel yang menaja jamuan di situ.

Sementara itu, sekumpulan 600 wartawan berita dan penyiaran dan ejen pelancongan dari seberang laut yang dalam lawatan ke Malaysia juga berpeluang menikmati suasana kemeriahan pada Rumah Terbuka Malaysia 2001.

"Sambutannya sungguh unik... saya dapat saksikan ramai rakyat Malaysia... mereka sungguh peramah," kata Thanakorn Sriwarom, kakitangan firma Tourism & Trade yang berpusat di Bangkok.

Beliau menyifatkan dirinya bertuah kerana dapat menyaksikan sambutan tradisional Rumah Terbuka Malaysia secara besar-besaran sambil berkata beliau difahamkan rumah terbuka diadakan oleh setiap rakyat Malaysia semasa Hari Raya, Krismas dan Tahun Baru Cina.

Seorang jurugambar "The Prachachat Business", Vichayant Boonchote berkata beliau tertarik dengan "sambutan berwarna-warni Malaysia" terutama pakaian tradisional yang dipakai oleh mereka yang mempersembahkan pertunjukan kebudayaan masyarakat Melayu, Cina, India dan Iban.

"Beliau berkata beliau juga berkesempatan mengambil banyak gambar termasuk gambar Yang di-Pertuan Agong dan para pemimpin Malaysia termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seorang pelancong dari Finland, Katarina Heiskanen berkata beliau kagum dengan sambutan pada Rumah Terbuka itu yang dikunjungi oleh berpuluh-puluh ribu orang tetamu yang menikmati makanan dan minuman percuma.

"Bagi saya, ia konsep yang unik kerana menghimpunkan rakyat dari pelbagai kaum untuk sambutan itu," katanya sambil berkata beliau berada di Singapura apabila mengetahui tentang Rumah Terbuka Malaysia dan datang ke sini untuk menyertai sambutan.

Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai di sini, Amir Ali, dari Iraq membawa kedua-dua anak perempuannya, Sarah, 7 dan Ghada, 5, ke Rumah terbuka supaya tidak terlepas untuk menyertai sambutan.

Sarah berkata beliau berpeluang menikmati pelbagai makanan Malaysia pada sambutan Rumah Terbuka itu.

Wartawan akhbar Thailand, The Nation, Sulaiman Yameen yang berpangkalan di Hatyai pula berkata walaupun biasa dengan makanan Melayu tetapi juadah yang dihidangkan pada Rumah Terbuka Malaysia itu begitu banyak jenisnya dan membuka selera.

"Semuanya bagus di sini... makanannya dan juga pertunjukan (kebudayaan rakyat berbilang kaum)," katanya, yang berharap mampu menulis intipati semangat Rumah Terbuka Malaysia itu untuk dikongsi dengan pembaca akhbaranya.

-- BERNAMA
MNY FAZ